

25/09/1998

Jakim nafi buat solat hajat

KUALA LUMPUR, Khamis - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) hari ini menafikan khabar angin kononnya solat hajat akan diadakan di Masjid Negara, esok.

Pegawai Perhubungan Awam Jakim, Hakimah Mohd Yusoff, berkata berita yang tersebar luas mengenai perkara itu tidak benar sama sekali.

"Jakim tidak tahu menahu perkara itu dan diharap orang ramai tidak akan terkeliru," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta ahli Umno melakukan sembahyang hajat untuk menentukan kebenaran berhubung dakwaan salah laku Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Perdana Menteri, sembahyang hajat itu bukan bertujuan untuk membolehkan beliau menang atau Tuhan murka kepada Anwar, sebaliknya bagi membolehkan kebenaran akhirnya menjadi kenyataan.

(END)